

BELANJAWAN: Pelbagai Insentif Bukti Kerajaan Utamakan Kebajikan Pekerja Bernama
28 September, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Pelbagai insentif yang diumumkan dalam Belanjawan 2013 membuktikan kerajaan amat mengutamakan kebajikan segenap lapisan rakyat di negara ini, termasuk pekerja sektor awam dan swasta, kata Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) Shamsuddin Bardan.

Shamsuddin berkata belanjawan itu bersifat mesra pekerja yang mengutamakan kebajikan serta mengiktiraf sumbangan mereka kepada negara dalam melonjakkan lagi ekonomi negara ke peringkat lebih tinggi.

"Selain itu, pelbagai insentif yang diumumkan diharap dapat membantu menangani kenaikan kos sara hidup dan sekali gus membuktikan kerajaan sentiasa mendahulukan kepentingan rakyat.

"Bagi saya belanjawan kali ini amat menarik apabila kebajikan pekerja difokuskan, maka mereka akan lebih produktif malah secara tidak langsung majikan akan mendapat faedah daripada kesan tersebut yang akan membantu sesebuah organisasi berkembang maju," katanya ketika dihubungi Bernama pada Jumaat.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ketika membentangkan Belanjawan 2013 di Dewan Rakyat, antara lain mengumumkan pemeriksaan percuma sebanyak dua kali kepada 1.4 juta anggota Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

"Melalui insentif tersebut, penjarum dapat mengesan sebarang penyakit kronik pada peringkat awal selain meningkatkan tahap kesihatan pekerja dan ini akan membantu mereka menjadi lebih produktif," katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Perhubungan Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC) Mohammed Shafie Bp Mammal menyifatkan belanjawan kali ini adalah menyeluruh kerana antara lain dapat merancakkan lagi bidang pertanian di negara ini.

"Insentif yang diperuntukkan kerajaan dapat membantu mengubah nasib golongan tersebut dan memperkukuhkan keadaan ekonomi," katanya.

Mohammed Shafie turut menyambut baik usaha kerajaan mengkaji semula cukai pendapatan individu dengan penurunan kadar cukai satu mata peratusan bagi kumpulan dengan pendapatan bercukai tahunan melebihi RM2,500 hingga RM50,000.

"Jelas sekali ini akan melegakan rakyat kerana insentif ini merupakan satu permulaan yang baik dan amat istimewa," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698261>